



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2015

**KADAR KELAYAKAN KEMUDAHAN CUTI REHAT TAHUNAN
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan bagi menambah baik kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat tahunan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Cuti Rehat tahunan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan seperti yang berikut:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 (PP Bil. 4/2002);
- (ii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2005 (PP Bil. 20/2005); dan
- (iii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2008 (PP Bil. 14/2008).

Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan

3. Kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan secara prinsipnya ditentukan berdasarkan tarikh lantikan seperti yang berikut:

- (i) bagi pegawai sedang berkhidmat yang dilantik **sebelum 1 September 2005** dan **menolak opsyen perubahan kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan seperti yang ditawarkan di bawah PP Bil. 14/2008**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan ditetapkan mengikut peruntukan dalam **PP Bil. 4/2002** adalah seperti dalam **Jadual 1** yang berikut:

Jadual 1: Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan di bawah PP Bil. 4/2002

Kumpulan/Gred	Kurang 10 tahun Perkhidmatan yang Melayakkan¹	Genap 10 tahun Perkhidmatan yang Melayakkan
Pengurusan Tertinggi	30 hari	35 hari
31 - 54	30 hari	35 hari
21 - 30	25 hari	30 hari
1 - 20	20 hari	25 hari

- (ii) bagi pegawai sedang berkhidmat yang dilantik mulai **1 September 2005 hingga 31 Disember 2008** dan **menolak opsyen perubahan kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan seperti yang ditawarkan di bawah PP Bil. 14/2008**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan ditetapkan mengikut peruntukan dalam **PP Bil. 20/2005** adalah seperti dalam **Jadual 2** yang berikut:

Jadual 2: Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan di bawah PP Bil. 20/2005

Kumpulan/Gred	Kurang 10 tahun Perkhidmatan yang Melayakkan	Genap 10 tahun Perkhidmatan yang Melayakkan
Pengurusan Tertinggi	30 hari	30 hari
31 - 54	30 hari	30 hari
21 - 30	25 hari	30 hari
1 - 20	20 hari	25 hari

¹ Perintah Am 1 (ix) Bab C Tahun 1974 - Perkhidmatan yang melayakkan adalah terdiri daripada masa-masa bertugas, Cuti Rehat dan Cuti Sakit dan bagi guru termasuk Cuti Sekolah bergaji penuh tetapi tidak termasuk Cuti Separuh Gaji, Cuti Tanpa Gaji, Cuti Haji, Cuti Sakit Tibi, Kusta dan Barah dan Cuti Belajar.

- (iii) bagi pegawai sedang berkhidmat yang dilantik **sebelum 1 Januari 2009** dan bersetuju **menerima opsyen perubahan kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan seperti yang ditawarkan di bawah PP Bil. 14/2008**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan ditetapkan mengikut peruntukan dalam **PP Bil. 14/2008** adalah seperti dalam **Jadual 3** yang berikut:

Jadual 3: Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan di bawah PP Bil. 14/2008

Kumpulan/Gred	Kurang 10 tahun Perkhidmatan yang Melayakkan	Genap 10 tahun Perkhidmatan yang Melayakkan
Pengurusan Tertinggi	25 hari	25 hari
31 - 54	25 hari	25 hari
21 - 30	25 hari	25 hari
1 - 20	20 hari	25 hari

- (iv) bagi pegawai **lantikan pertama mulai 1 Januari 2009**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan ditetapkan mengikut peruntukan dalam **PP Bil. 14/2008** adalah seperti dalam **Jadual 3** di atas.

4. Melalui PP Bil. 14/2008 juga, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan bagi pegawai Perkhidmatan Awam lantikan kontrak dan sementara adalah ditetapkan seperti dalam **Jadual 4** yang berikut:

Jadual 4: Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam* Lantikan Kontrak dan Sementara mulai 1 Januari 2009

Kumpulan/Gred	Kadar Kelayakan Cuti Rehat
Pengurusan Tertinggi	25 hari
31 - 54	25 hari
21 - 30	25 hari
1 - 20	20 hari

* Kecuali Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia, Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia, Perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim serta Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan/Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi yang menjalankan tugas-tugas mengajar di sekolah, kolej komuniti atau politeknik yang menikmati kemudahan Cuti Penggal dan Cuti Rehat Khas.

TAFSIRAN

5. Bagi maksud Pekeliling Perkhidmatan ini:

‘Cuti Rehat’ bermaksud cuti bergaji penuh yang diberi kerana perkhidmatan yang melayakkan dalam sesuatu tahun, dari bulan Januari hingga Disember di bawah Perintah Am 1 (ii) Bab C (Cuti) Tahun 1974²;

‘Ketua Jabatan’ bermaksud Ketua Setiausaha kepada Kementerian, Ketua Jabatan atau Ketua sesuatu Perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan di bawah Perintah Am 1 (iv) Bab C (Cuti) Tahun 1974³ termasuk Ketua Pejabat Tempatan, yayasan atau cawangan kecil yang telah diberi kuasa oleh Ketua Jabatannya untuk meluluskan cuti bagi sebarang kumpulan pegawai di stesennya seperti yang diperuntukkan di bawah Perintah Am 5(b) Bab C (Cuti) Tahun 1974⁴, termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan cuti;

‘Jawatan lain’ bermaksud jawatan yang mana lantikan pegawai adalah melalui kaedah pertukaran pelantikan, pertukaran tetap, atau Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)/Peningkatan Secara Lantikan (PSL), lantikan terus (*lateral entry*) atau lantikan ke jawatan baharu;

‘Lantikan terus atau lantikan ke jawatan baharu’ bermaksud pelantikan:

- (i) dalam Pihak Berkuasa Melantik yang sama di bawah Perkhidmatan Awam Persekutuan; atau

² Perintah Am 1 (ii) Bab C (Cuti) Tahun 1974 - "Cuti Rehat" bermakna cuti bergaji penuh yang diberi kerana perkhidmatan yang melayakkan dalam sesuatu tahun, dari bulan Januari hingga Disember.

³ Perintah Am 1 (iv) Bab C (Cuti) Tahun 1974 - "Ketua Jabatan" bermakna Ketua Setiausaha kepada Kementerian, Ketua Jabatan, Ketua sesuatu Perkhidmatan, mengikut mana yang berkenaan.

⁴ Perintah Am 5 (b) Bab C (Cuti) Tahun 1974 - "Ketua Jabatan" akan termasuk juga seorang Ketua Pejabat tempatan, yayasan atau cawangan kecil yang telah diberi kuasa oleh Ketua Jabatannya untuk meluluskan cuti bagi sebarang kumpulan pegawai di stesennya.

- (ii) daripada satu Pihak Berkuasa Melantik di bawah Perkhidmatan Awam Persekutuan kepada Pihak Berkuasa Melantik yang lain di bawah Perkhidmatan Awam Persekutuan.

‘Peningkatan Secara Lantikan (PSL)’ bermaksud suatu urusan pelantikan pegawai daripada skim perkhidmatan yang rendah kepada skim perkhidmatan yang lebih tinggi secara pelantikan baharu yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Melantik, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang berkaitan. PSL adalah satu proses lantikan biasa dan bukannya kenaikan pangkat. Istilah PSL digunakan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2013 menggantikan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL). Bagi maksud Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan bagi pegawai lantikan KPSL/PSL hanya mengambil kira pertukaran lantikan tetap dalam Pihak Berkuasa Melantik yang sama atau Pihak Berkuasa Melantik yang lain di bawah Perkhidmatan Awam Persekutuan.

‘Lantikan tetap pertama’ bermaksud lantikan tetap pertama seseorang pegawai ke dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.

PELAKSANAAN

Penambahbaikan Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan

6. Melalui Pekeliling Perkhidmatan ini, penambahbaikan kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat tahunan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah seperti yang berikut:

- (i) bagi pegawai sedang berkhidmat yang **bersetuju memilih** kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam **PP Bil. 14/2008** dan **dilantik ke jawatan lain** yang kadar kelayakan cuti rehatnya adalah **lebih tinggi**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah berdasarkan **tarikh lantikan tetap pertama atau lantikan tetap baharu**, mana-mana yang lebih tinggi; atau

- (ii) bagi pegawai sedang berkhidmat dan **bersetuju memilih** kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam **PP Bil. 14/2008** dan **tidak dilantik ke jawatan lain**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah berdasarkan **tarikh lantikan tetap pertama**; atau
- (iii) bagi pegawai sedang berkhidmat yang **kekal** diberi kemudahan Cuti Rehat tahunan mengikut **PP Bil. 4/2002** atau **PP Bil. 20/2005** dan **dilantik ke jawatan lain** yang kadar kelayakan cuti rehatnya **berkurangan**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah berdasarkan **tarikh lantikan tetap pertama**; atau
- (iv) bagi pegawai sedang berkhidmat yang **kekal** diberi kemudahan Cuti Rehat tahunan mengikut **PP Bil. 4/2002** atau **PP Bil. 20/2005** dan **dilantik ke jawatan lain** yang kadar kelayakan cuti rehatnya adalah **lebih tinggi**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah berdasarkan **tarikh lantikan tetap pertama atau lantikan tetap baharu, mana-mana yang lebih tinggi**; atau
- (v) bagi pegawai sedang berkhidmat dan **kekal** diberi kemudahan Cuti Rehat tahunan mengikut **PP Bil. 4/2002** atau **PP Bil. 20/2005** dan **tidak dilantik ke jawatan lain**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah berdasarkan **tarikh lantikan tetap pertama**; atau
- (vi) bagi pegawai **lantikan tetap pertama** yang dilantik mulai **1 Januari 2009**, sama ada **dilantik atau tidak dilantik ke jawatan lain** selepas itu, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah berdasarkan **tarikh lantikan tetap pertama**.

Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan Baharu

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat tahunan pegawai seperti di perenggan 6(i) hingga 6(vi) adalah seperti dalam **Jadual 5** yang berikut:

Jadual 5: Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan* mulai 1 Januari 2016

Tarikh Lantikan Pertama/Baharu	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan yang Melayakkan				**Genap 10 Tahun Perkhidmatan yang Melayakkan			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi
Sebelum 1 September 2005	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	35 hari	35 hari
Mulai 1 September 2005 hingga 31 Disember 2008	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	30 hari	30 hari
Mulai 1 Januari 2009	20 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari

* Kecuali Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia, Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia, Perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim serta Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan/Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi yang menjalankan tugas-tugas mengajar di sekolah, kolej komuniti atau politeknik yang menikmati kemudahan Cuti Penggal dan Cuti Rehat Khas.

**Genap 10 tahun perkhidmatan dikira daripada tarikh lantikan tetap pertama dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan seperti dijelaskan di perenggan 6 [mengikut syarat-syarat tempoh perkhidmatan yang melayakkan seperti yang ditafsirkan di dalam Perintah Am 1(ix) Bab C (Cuti) Tahun 1974].

Kesan Pelaksanaan

8. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, **opsyen dan pemakaian kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan di bawah PP Bil. 14/2008 adalah terhenti berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016.**
9. Kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat tahunan bagi pegawai lantikan kontrak dan sementara yang kemudiannya dilantik secara tetap adalah ditentukan berdasarkan tarikh lantikan ke jawatan tetap.

Tanggungjawab Ketua Jabatan

10. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Ketua Jabatan hendaklah merekodkan kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan baharu dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.

PEMBATALAN

11. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini:
- (i) Lampiran C, perenggan 3 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan;
 - (ii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2005 adalah dibatalkan; dan
 - (iii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2008 adalah dibatalkan.

TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2016.**

PEMAKAIAN

13. Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

19 November 2015

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan